



*Memo*

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Semua Anggota LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/BPPKS/UPSM/A/0047  
**Tarikh** : 14 Mac 2018

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
BILANGAN 15 TAHUN 2018**

**PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN KEMUDAHAN PERUBATAN DAN  
PENJELASAN BERHUBUNG RAWATAN  
DI INSTITUT JANTUNG NEGARA SDN BHD  
PEKELILING PERKHIDMATAN BIL 1 TAHUN 2017**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan Mesyuarat Lembaga ke-113 telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil 1 Tahun 2017 berhubung Penambahbaikan Pelaksanaan Kemudahan Perubatan Dan Penjelasan Berhubung Rawatan Di Institut Jantung Negara Sdn Bhd (IJNSB) **berkuatkuasa pada 1 Januari 2018.**

3. Penambahbaikan yang diberikan adalah seperti berikut.

<b>Bil</b>	<b>Peraturan Semasa</b>	<b>Penambahbaikan</b>
1	Perlu dirujuk oleh Pakar Perubatan Umum ( <i>Physician</i> ), Pakar Kardiologi di hospital/klinik Kerajaan atau swasta untuk mendapat rawatan percuma di IJNSB	<b>Tambahan:</b> Doktor dalam bidang kecemasan (Pakar Perubatan Kecemasan) dari hospital/klinik Kerajaan atau swasta dimasukkan sebagai salah seorang pakar yang boleh merujuk pegawai/pesara dan tanggungan yang berkelayakan untuk mendapat rawatan percuma di IJNSB
2	Kelulusan perlu diperolehi daripada Kementerian Kesihatan Malaysia bagi meluluskan perbelanjaan pegawai/ pesara dan tanggungan yang berkelayakan untuk mendapat rawatan percuma di IJNSB	<b>Penambahbaikan:</b> Permohonan perbelanjaan kemudahan rawatan perubatan di IJNSB bagi pegawai/pesara LGM, ibu bapa pegawai dan ahli berkelayakan akan dipertimbangkan dan diluluskan oleh LGM. <b>Permohonan perlu dikemukakan kepada Unit Pengurusan Sumber Manusia.</b>

4. Penggunaan Borang Tuntutan 1/09 adalah **tidak terpakai bagi kemudahan perubatan di IJNSB sahaja**. Dengan pemakaian Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2017, perenggan 11(iv), PP Bil 21/2009 dan Surat Edaran rujukan JPA(SARAAN)(S) 264/15/16-4 Jld.8(60) adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih .

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**



**(NURUL HUDA BINTI ABDUL HAMID)**

s.k Y Bhg. Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Pengarah- Pengarah Bahagian